

**ANALISIS KESEDIAAN GURU MENERAPKAN ELEMEN PEND
IDIKAN SEKSUALITI DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN
ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH**

MOHD FAHRUDDIN SAHRIH BIN MOKLIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**ANALISIS KESEDIAAN GURU MENERAPKAN ELEMEN
PENDIDIKAN SEKSUALITI DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI
SEKOLAH MENENGAH**

MOHD FAHRUDDIN SAHRIH BIN MOKLIS

**LAPORAN KERTAS PROJEK / DISERTASI / TESIS
DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023

LAMPIRAN B (BORANG KEASLIAN)

UPSI/PS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 30 (hari bulan) 01 (bulan) 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHD FAHRUDDIN SAHEIH BIN MUHLIS (02019108926), KEMAHUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Analisis Ketersediaan Guru Menerapkan Elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejalasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah kerana diberi kudrat, kesihatan dan iltizam serta dipermudahkan segala urusan dalam menyiapkan kajian ini. Jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga terutamanya pensyarah penyelia, Dr. Samsudin Abd Hamid yang banyak membimbing, memberi bantuan serta nasihat. Segala aspirasi dan motivasi yang diberikan amat bermakna untuk saya menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Pengajian Islam di Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI yang banyak memberikan saya peluang untuk menimba banyak ilmu pengetahuan daripada kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada penaja saya selama empat tahun di UPSI iaitu Kumpulan Yayasan Sabah yang menaja penuh pengajian saya ini. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada panel yang sudi menjadi pakar dalam mengesahkan instrument soalan temu bual saya. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua guru-guru Pendidikan Islam di daerah Tenom, Sabah kerana sudi dan rela hati menjadi peserta dalam kajian untuk saya memperoleh data.

Ucapan terima kasih teristimewa untuk kedua ibu bapa tercinta, puan Pagnawan binti Idris dan encik Moklis bin Eali yang sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi serta menjadi tulang belakang sepanjang pengajian ini. Tidak dilupakan kakak, abang dan adik-adik tersayang, Nurul Wan Azirah, Mohd Hasriq Herry, Nurul Naqyiah Nasihah, Dinna Sofea dan Mohd Fahim Fahmi yang sentiasa menjadi sumber kekuatan utama saya dalam menghabiskan pengajian di UPSI selama empat tahun ini. Terima kasih juga kepada semua ahli keluarga, sahabat-sahabat handai yang sentiasa menyokong dan mendoakan saya. Semoga doa yang baik berbalik kepada kalian semua. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang bakti sehingga terhasilnya kajian ini tidak kira secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah yang dapat membalas segala budi baik kalian dan semoga kita semua berada dalam lindungan dan reda Allah SWT. Amin ya Rab-Al Alamin.





ABSTRAK

Pendidikan Seksualiti merupakan satu bentuk pendidikan yang masih dianggap tabu oleh sesetengah pihak dan masyarakat. Hal ini kerana disebabkan dengan satu istilah iaitu “seks” yang membawa pandangan yang berbeza kepada sesetengah orang dan ia dianggap sebagai stigma masyarakat di Malaysia hari ini. Punca Pendidikan Seksualiti ini masih dianggap sebagai kurikulum yang tidak relevan diajarkan di sekolah, antaranya ialah isu kewajaran dan kesediaan murid menerima isi kandungan Pendidikan Seksualiti, isu kebimbangan ibu bapa terhadap pelaksanaan Pendidikan Seksualiti dan isu kredibiliti guru. Kajian ini akan memfokuskan kepada isu kredibiliti guru menerapkan Pendidikan Seksualiti ini kepada murid-murid. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesediaan guru menerapkan elemen Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah dan menjadikan tiga aspek kesediaan guru sebagai perkara utama yang dikaji iaitu kesediaan kognitif, afektif dan tingkah laku. Pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel adalah berfokus kepada guru-guru Pendidikan Islam berpengalaman yang melibatkan seramai sembilan orang peserta kajian di daerah Tenom, Sabah. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan lima strategi mengumpul data iaitu temu bual, transkrip data, analisis data mengikut tema dan kategori, persembahan data serta penghasilan kesimpulan. Kajian ini mendapati kesediaan guru dari aspek kognitif adalah baik dan memberangsangkan yang mana kesemua peserta kajian mengetahui secara umum tentang Pendidikan Seksualiti, kewujudan Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam dan kewujudan modul Pendidikan Kesihatan Keluarga (PKK). Dari segi kesediaan afektif, didapati juga kesemua mereka mampu mengutarakan pandangan dan menghurai jawapan dengan baik. Walau bagaimanapun, dalam aspek ini didapati ada peserta kajian yang tidak sanggup untuk mengajar Pendidikan Seksualiti sekiranya ia dijadikan kurikulum khusus atas beberapa faktor yang telah dibincangkan dalam kajian ini. Akhir sekali, dari aspek kesediaan tingkah laku, didapati kesemua peserta kajian mempunyai kesediaan yang baik dan mampu untuk memberikan pandangan dan cadangan penambahbaikan terhadap kurikulum ini. Kesimpulannya, pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah dan guru Pendidikan Islam perlu mengutamakan kesediaan dalam semua aspek sebelum menerapkan elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti dan guru-guru khususnya guru Pendidikan Islam di Malaysia.



ANALYSIS OF TEACHERS' WILLINGNESS TO APPLY ELEMENTS OF SEXUALITY EDUCATION IN ISLAMIC EDUCATION SUBJECTS IN SECONDARY SCHOOL

ABSTRACT

Sexuality Education is considered taboo by some parties and society. (Wazaliki, 2010). This is due to the term "sex" which brings different views to some people, and it is considered a stigma in society in Malaysia today (Ang Chai Tin, 2014). The main issue due to the cause of Sexuality Education that still being considered as an irrelevant curriculum taught in their schools. Among of them are issues of the propriety and willingness of students to accept about Sexuality Education. The parents concern about the implementation of Sexuality Education and teacher concern about the credibility among the students. However, this study shows and focus on the issue in the credibility of teachers applying Sexuality Education to students in they're schools. Therefore, this study shows to identify the teachers willing to apply elements of Sexuality Education to the subject of Islamic Education in secondary schools and make sure that three aspects of teachers prepared the three main things, namely cognitive, affective and behavioral. A qualitative approach with an interview method was used in this study. The sample selection is focused on experienced Islamic Education teachers involving a total of nine respondents in the Tenom district, Sabah. This study shows that the researcher used five strategies to collect data, namely interviews, data transcripts, data analysis according to themes and categories, data presentation and conclusions. Its found that the preparation of teachers from a cognitive aspect is good and encouraging where all study respondents know in general about Sexuality Education which are the existence of Sexuality Education in Islamic Education and the existence of the Family Health Education module (PKK). In terms of affective preparation, it was also found that all of them were able to express their views and elaborate answers well. However, in this aspect it was found that there are some study respondents who are not willing to teach Sexuality Education if it is made into a specific curriculum due to several factors that have been discussed in this study. Finally, from the aspect of behavioral preparation, it was found that all study respondents have prepared and are able to provide views and suggestions for improvements to this curriculum. In conclusion, various parties including the Ministry of Education, schools and teacher of Islamic Education need to focus on the requirements that must be met by all Islamic Education teachers to apply the elements of Sexuality Education in Islamic Education subjects. This study can contribute to various parties such as the Ministry of Education, Universities and teachers, especially Islamic Education in Malaysia.



ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii

BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Permasalahan Kajian.....	6
1.3.1 Kewajaran dan Kesediaan Murid Menerima Isi Kandungan Pendidikan Seksualiti	6
1.3.2 Isu Kebimbangan Ibubapa Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Seksualiti	7
1.3.3 Isu Kredibiliti Guru	8
1.3.4 Rumusan Permasalahan Kajian.....	9
1.4 Persoalan Kajian.....	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Batasan Kajian.....	11
1.7.1 Batasan Kandungan.....	12
1.7.2 Batasan Subjek/Responden Kajian	12
1.7.3 Batasan Lokasi Kajian.....	13
1.8 Definisi Operasional.....	14
1.8.1 Pendidikan Seksualiti	13
1.8.2 Pendidikan Seksualiti Menurut Islam	14



1.8.3	Pendidikan Islam.....	14
1.8.4	Kesediaan Guru.....	15
1.8.5	Kesediaan Kognitif Guru (Pengetahuan)	15
1.8.6	Kesediaan Afektif Guru (Perasaan)	16
1.8.7	Kesediaan Tingkah Laku Guru	16
1.9	Kesimpulan.....	16
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	18
2.1	Pengenalan.....	18
2.2	Konsep dan Kepentingan Kesediaan Guru dari Aspek Kognitif.....	19
2.3	Konsep dan Kepentingan Kesediaan Guru dari Aspek Afektif.....	24
2.4	Konsep dan Kepentingan Kesediaan Guru dari Aspek Tingkah Laku.....	26
2.5	Perkembangan Terhadap Kesediaan Guru dalam Pendidikan Seksualiti di Malaysia	30
2.6	Kesimpulan.....	32
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	33
3.1	Pengenalan.....	33
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	33
3.3	Instrumen Kajian	34
3.3.1	Kaedah Temu Bual.....	34
3.3.2	Protokol Temu Bual	35
3.4	Lokasi Kajian	36
3.5	Persampelan.....	36
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	37
3.6.1	Prosedur Pengumpulan Data Melalui Temu Bual.....	37
3.7	Prosedur Penganalisan Data	38
3.8	Kesimpulan.....	39
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	41
4.1	Pengenalan.....	41
4.2	Latar Belakang Sampel	42

4.3	Dapatan Analisis Kesediaan Kognitif Guru Menerapkan Elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam	45
4.3.1	Pengetahuan Tentang Pendidikan Seksualiti	47
4.3.2	Pengetahuan Kewujudan Pendidikan Seksualiti dalam Kurikulum Pendidikan Islam	47
4.3.3	Pengetahuan Kewujudan Modul Pendidikan Kesihatan Keluarga (PKK).....	50
4.4	Dapatan Analisis Kesediaan Afektif Guru Menerapkan Elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam	53
4.4.1	Persetujuan Guru Dalam Pelaksanaan Pendidikan Seksualiti.....	55
4.4.2	Kesanggupan Guru Mengajar Kurikulum Khusus Pendidikan Seksualiti	56
4.4.3	Kepentingan Penggunaan Laras Bahasa dan Bahasa Tubuh Yang Baik.....	59
4.4.4	Kredibiliti Guru Menerapkan Elemen Pendidikan Seksualiti.....	64
4.5	Dapatan Analisis Kesediaan Tingkah Laku Guru Mengintegrasikan Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam	70
4.5.1	Pendekatan Pengajaran Pendidikan Seksualiti.....	71
4.5.2	Bentuk Penilaian dan Pengukuran Pembelajaran Pendidikan Seksualiti	76
4.5.3	Pengaplikasian Taksonomi Bloom dalam Penilaian dan Pengukuran	80
4.5.4	Interaksi yang Berkesan dalam Pengajaran Pendidikan Seksualiti.....	81
4.5.5	Cara Mempengaruhi Murid Berubah ke Arah yang Lebih Baik.....	85
4.5.6	Cabaran Menerapkan Elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam.....	88
4.5.7	Cadangan Penambahbaikan Elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam.....	94
4.6	Kesimpulan.....	98

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN..... 100

5.1	Pengenalan.....	100
5.2	Perbincangan	101
5.2.1	Kesediaan Kognitif Guru Menerapkan Elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam	102

5.2.2	Kesediaan Afektif Guru Menerapkan Elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam	103
5.2.3	Kesediaan Tingkah Laku Guru Menerapkan Elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam	106
5.3	Kesimpulan Kajian	111
5.4	Implikasi kajian	112
5.5	Cadangan	113
5.5.1	Cadangan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).....	114
5.5.2	Pihak Pentadbir Sekolah	115
5.5.3	Cadangan kepada Guru-guru Pendidikan Islam.....	119
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	116
5.7	Penutup	117
RUJUKAN		118
LAMPIRAN.....		122

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Demografi Peserta Kajian	46
4.2	Dapatan Kesediaan Kognitif Guru	50
4.3	Dapatan Kesediaan Afektif Guru	58
4.4	Dapatan Kesediaan Tingkah Laku Guru	75

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Penganalisisan Data	42

SENARAI SINGKATAN

PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
CDC	Centers for Disease Control and Prevention
SGM	Standard Guru Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
SEICUS	Sexuality Information and Education Council of United States
GPI	Guru Pendidikan Islam
PK	Peserta Kajian
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
HIV	Human Immunodeficiency Virus
AIDS	Acquired Immune Deficiency Syndrome

SENARAI LAMPIRAN

A Borang Soal Selidik

B Transkrip Temu Bual

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Isu Pendidikan Seksualiti bukanlah satu perkara yang baru dalam dunia pendidikan hari ini. Namun begitu, pelaksanaan pendidikan seksualiti atau apa-apa sahaja perkara yang membincangkan hal seksualiti merupakan satu isu yang tabu dan ia dianggap sebagai pantang larang oleh sesetengah pihak (Wazaliki, 2010). Hal ini disebabkan dengan satu istilah iaitu “seks” yang membawa pandangan yang berbeza kepada sesetengah orang dan perkara ini masih lagi dianggap stigma oleh masyarakat di Malaysia hari ini. (Ang Chai Tin, 2014). Kontroversi berkaitan dengan pengajaran seksualiti masih menjadi isu yang belum dapat diselesaikan sehingga kini. Kebanyakan masyarakat kita berpendapat bahawa isu seks yang dibincangkan secara tidak langsung dalam kurikulum sekolah tidak wajar dikekalkan (Sanjakdar, 2009). Mereka umpama mengelak untuk tidak membincangkan isu seks dengan mengaitkan permasalahan yang wujud hari ini. Pendidikan Seksualiti merupakan satu keperluan yang wajib diutamakan pada masa kini. Ini adalah antara cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam keseluruhannya. Apakah pendekatan Pendidikan Seksualiti yang



memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki oleh syariat Islam? Persoalan inilah yang dihadapi oleh masyarakat Islam samada yang menetap di Barat ataupun negara Islam. Walaupun wujudnya Pendidikan Seksualiti yang telah digubah dan digunapakai oleh Barat, namun kurikulum itu bersifat sekular yang mana nilai moral dan etika tidak lagi diberi keutamaan (D'Odeyn, 1996).

Bab ini merupakan bab pengenalan yang mengandungi latar belakang kajian, sejarah serta asal usul berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Bab ini juga membincangkan permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian yang bertitik tolak daripada jurang penyelidikan yang terdapat dalam pernyataan masalah tersebut. Selain itu, bab ini juga mengandungi kepentingan kajian yang memberi manfaat kepada pelbagai pihak, batasan kajian yang disertakan dengan justifikasi pemilihan bahan atau instrumen dan sampel kajian. Secara ringkasnya, dalam kajian ini, akan menganalisis kesediaan guru dalam menerapkan elemen pendidikan seksualiti dalam mata pelajaran di sekolah dan subjek yang akan difokuskan adalah mata pelajaran Pendidikan Islam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Seksualiti merupakan satu kurikulum yang mula diperkenalkan di negara-negara Eropah dan Pendidikan Seksualiti ini sudah menjadi salah satu subjek dalam kurikulum di sekolah. Pendidikan Seksualiti juga sudah bermula di beberapa buah negara pada tahun 1956 yang kemudiannya terus meluas hingga tahun 2000-an ke negara Perancis, British, Sepanyol, Estonia, Ukrain, Ireland dan masih banyak lagi. Pada tahun 2009, Pendidikan Seksualiti ini secara rasmi dirumuskan dengan nama *Comprehensive Sexuality Education*. (Wardah, 2021). Kemunculan pendidikan



seksualiti ini dapat dikesan rentetan daripada terjadinya revolusi seksual pada tahun 1960-an. Revolusi seksual ini dapat dimaksudkan sebagai satu upaya pencabulan nilai-nilai moraliti seksual yang dikategorikan dengan adanya sikap dan perilaku pada aktiviti seksual. Sikap masyarakat yang hidup ketika itu adalah mereka menormalisasikan perbuatan seksual dalam kalangan mereka dengan tinggal bersama, bertukar-tukar pasangan, homoseksual, kelahiran anak dari pasangan yang belum berkahwin, pornografi dan kebebasan berpakaian (Wardah, 2021). Rentetan daripada itu, pada tahun 1960-an, perbuatan seks bukan lagi menjadi satu perkara yang tersembunyi, bahkan ia telah menjadi perkara yang terbuka dan dipapar di pelbagai jenis majalah, disiarkan di corong-corong radio dan ditayangkan di kaca televisyen.

Antara tokoh utama yang memartabatkan Pendidikan Seksualiti ini dalam kalangan masyarakat adalah Alfred Kinsey. Alfred Kinsey merupakan seorang tokoh yang telah mengkaji selama 15 tahun dengan meneliti lebih daripada 10 000 orang, dari kalangan wanita dan lelaki untuk mengetahui bagaimana keadaan seksual mereka. Dalam penelitian ini, Alfred Kinsey mendapati bahawa perbuatan, pemikiran dan perasaan seksual manusia terhadap lawan jenis atau sesama jenis tidak akan pernah konsisten. Ini bermaksud, perbuatan, pemikiran dan perasaan tersebut mampu untuk berubah seiring dengan waktu dan keadaan (Alfred Kinsey, 1948). Selain itu juga, menurut (Alfred Kinsey, 1948), kanak-kanak sejak bayi lagi mampu merasakan sensasi seksual dan mereka berhak untuk merasakan dan memperolehnya ketika mereka menginginkannya. Daripada penelitian ini, karya Alfred Kinsey mula dibukukan dalam dua buku iaitu *Sexual Behavior in the Human Male* (1948) dan *Sexual Behavior in the Human Female* (1953).

Justeru, kajian ini keseluruhannya adalah untuk mengenal pasti kesediaan guru dan faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru-guru Pendidikan Islam ke atas

pelaksanaan elemen Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Tahap kesediaan seorang guru berfungsi sebagai satu asas kualiti kemahiran dalam pengajaran. Kesediaan tersebut merangkumi pelbagai aspek seperti aspek kognitif (pengetahuan), aspek afektif (perasaan) dan tingkah laku guru-guru yang merupakan faktor penting dalam merealisasikan agenda pendidikan (Abd Rahim, 2007). Menurut pandangan Trimble (2009), seorang pendidik mestilah mempunyai satu kefahaman dan ilmu pengetahuan memberikan isi pelajaran kepada murid-murid. Guru-guru perlu menjadi lebih bijak dan kreatif memilih strategi pengajaran dalam mencorakkan pembelajaran generasi pada masa hadapan (Mohd Zuri et al.m 2013). Cabaran ini bersesuaian dengan peranan guru Pendidikan Islam yang sepatutnya menjadi agen perubahan kepada murid serta memiliki sikap dan kualiti profesional yang tinggi (Mok, 2008). Namun, sikap sesetengah ahli akademik sendiri dan ibu bapa adalah menjadi isu yang mengekang keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Seksualiti (Khadijah Rohani, 2007; Shariza & Loh, 2003)

Menurut Ruayah (2017), tiga keperluan utama menjadi guru yang efektif adalah dengan memiliki ilmu pengetahuan yang menyeluruh dalam mata pelajaran yang diajar, menguasai kaedah dan teknik pengajaran yang efektif dalam menyampaikan sesuatu pelajaran dan juga memiliki sifat-sifat peribadi yang murni. Seseorang guru perlu bersedia dengan tiga keperluan berkenaan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Banyak kajian tentang kesediaan guru ini dilaksanakan di luar dan dalam negara, malangnya tidak ada satu artikel khusus yang membincangkan topik ini secara mendalam (Ruayah, 2017). Aspek kesediaan pembelajaran ini sama ada dilihat sebagai aspek yang tidak relevan oleh ramai pengamal pembelajaran, jarang dikaji dengan mendalam dalam aspek teori

pembelajaran atau satu topik yang jarang dipertimbangkan dalam perlakuan yang sistematik (Maddox et al., 2000).

Pendidikan Seksualiti memberi banyak manfaat kepada murid-murid. Manfaat-manfaat tersebut merangkumi kepada beberapa aspek iaitu dari aspek kemahiran bersosialisasi, sikap berdikari, perubahan sikap yang positif seperti menerima lebih banyak pengetahuan tentang seksualiti pada masa yang sama mengurangkan risiko penderaan seksual, penyakit berjangkit dan kehamilan yang tidak dijangka atau tidak diingini (Mastura, 2011). Kepentingan pelaksanaan Pendidikan Kesihatan dan Seksualiti ini turut diperdebatkan merangkumi proses multidimensi dalam fungsi anatomi dan fisiologi (Ruayah, 2017). Aspek-aspek tersebut adalah pengetahuan tentang seks, seksualiti, kepercayaan, sikap, nilai, keperluan manusia dalam berkongsi perasaan sayang dan pemikiran. Pendidikan Seksualiti juga perlu bersifat komprehensif yang mengambil kira kepentingan aspek agama dan budaya negara (Amir Hasan, 2007). Masyarakat termasuk ibu bapa, keluarga, sahabat-handai dan guru-guru mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membantu, menjaga dan membimbing generasi hari ini. Menurut Blaise (2009), selain ibu bapa, guru-guru merupakan antara insan yang memberi banyak inspirasi dan kepercayaan oleh murid-murid dalam kehidupan seharian mereka. Ibu bapa meletakkan segala harapan dan kepercayaan kepada para pendidik untuk menjaga, membimbing dan mendidik anak-anak mereka serta memberi segala ilmu pengetahuan dan maklumat yang berterusan (Amir Hasan, 2007).

1.3 Permasalahan Kajian

Hasil tinjauan literatur, pengkaji mendapati pelbagai masalah yang wujud dalam konteks kajian ini. Isu pelaksanaan Pendidikan Seksualiti ini mendapat perhatian daripada pelbagai pihak, bukan sahaja daripada ibu bapa, bahkan ia juga mendapat perhatian daripada golongan masyarakat luar. Hal ini kerana, konsep pemahaman mereka tentang Pendidikan Seksualiti berbeza dan pandangan mereka ke arah yang lebih negatif.

1.3.1 Kewajaran dan Kesediaan Murid Menerima Isi Kandungan Pendidikan Seksualiti.

Antara isu yang wujud dalam kajian ini adalah tentang kewajaran dan kesediaan murid untuk menerima isi kandungan Pendidikan Seksualiti. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1989), kewajaran dan kesediaan perlu dititikberatkan sebelum menyampaikan isi kandungan Pendidikan Seksualiti mengikut tahap perkembangan murid-murid. Ia meliputi pelbagai aspek iaitu peringkat umur murid, jantina dan aspek seksual murid, kematangan murid berfikir, kecekapan murid berfikir secara rasional, kesediaan mental dan emosi murid, percanggahan dengan nilai dan etika budaya masyarakat, kesesuaian pembelajaran dari segi adat resam masyarakat, pertimbangan sama ada satu keperluan atau tidak, aspek yang mempengaruhi perkembangan murid dan nilai ketimuran (Abd. Rahim, 2010). Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Seksualiti ini perlu melihat aspek kewajaran murid diberi pendedahan untuk membincangkan isu berkaitan seksualiti dan kesediaan murid untuk mempelajari isu-isu sensitif yang dibincangkan. Guru juga perlu berhati-hati dalam menyampaikan isi kandungan

Pendidikan Seksualiti tanpa menimbulkan isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan kontroversi semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan.

1.3.2 Isu Kebimbangan Ibubapa Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Seksualiti.

Seterusnya, antara permasalahan yang wujud adalah berkaitan tentang isu kebimbangan ibu bapa terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Seksualiti (Suhaila et. al, 2018). Seperti kita sedia maklum, budaya Malaysia penuh dengan nilai-nilai ketimuran yang diwarisi turun-temurun. Jika kita lihat kepada pendidikan ibu bapa secara tradisional, isu seksualiti jarang sekali dibincangkan dalam kalangan mereka kerana ibu bapa tidak mengamalkan sifat terbuka terhadap isu tersebut (Mahzan, 2010; Mohamad Fauzi, 2010; Puteh Rahimah, 2009). Budaya ini masih jelas kita lihat dipraktikkan oleh segelintir ibu bapa masa kini dan masyarakat timur secara umumnya kerana apabila cadangan kurikulum Pendidikan Seksualiti ini hendak dilaksanakan, ibu bapa adalah antara golongan paling kuat menentang dan menyatakan kebimbangan mereka, sekiranya Pendidikan Seksualiti diajar kepada anak-anak mereka di sekolah. Menurut Kee-Jiar dan Shih-Hui (2020), sikap ibu bapa terhadap pelaksanaan Pendidikan Seksualiti memberikan impak yang besar kepada kesejahteraan anak-anak. Di Arab Saudi, kanak-kanak menyedari kekurangan kefahaman ibu bapa mereka dalam topik Pendidikan Seksual dan berpendapat bahawa ibu bapa mereka tidak bersedia untuk mengadakan perbincangan tentang isu tersebut dengan mereka. Mereka juga bimbang akan potensi ibu bapa mereka memberi reaksi negatif sekiranya mereka bertanya tentang isu Pendidikan Seksual yang berpunca

daripada kekurangan kefahaman mereka terhadap topik tersebut. (Othman et al., 2021).

1.3.3 Isu Kredibiliti Guru

Guru dilihat memainkan peranan penting bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seksualiti. Dalam hal ini, isu kredibiliti guru perlu diambil perhatian dan dititikberatkan. Bagi memastikan Pendidikan Seksualiti ini diajar dengan berkesan, guru yang bertanggungjawab perlulah seorang yang terlatih, mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam menyampaikan isi kandungan Pendidikan Seksualiti. Selain itu, guru juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam bidang biologi, psikologi, seksualiti, perubatan, sosiologi, gender, perkahwinan, keibubapaan dan sebagainya. Seterusnya, guru perlu bersedia untuk berkomunikasi tentang isu seksualiti dengan murid secara terbuka dan rasional supaya murid dapat memporolehi maklumat dan membuat pertimbangan rasional berkaitan seksualiti dan jalan untuk menghadapi cabaran berhubung isu tersebut (Mahzan, 2010). Faktor latar belakang guru juga memainkan peranan penting terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Seksualiti antaranya faktor jantina, umur, status perkahwinan, jumlah perkahwinan, tingkah laku, keperibadian dan sebagainya (Abd. Rahim, 2010; Amir Hasan Dawi, 2009). Kesemua aspek kredibiliti guru ini berkait rapat dengan kesediaan seseorang guru dalam menyampaikan isi pelajaran kepada murid. Kesediaan guru adalah perkara yang paling utama yang perlu diberi perhatian dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada kesediaan guru menerapkan elemen Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah.

1.3.4 Rumusan Permasalahan Kajian

Berdasarkan isu-isu yang dibincangkan, guru-guru Pendidikan Islam di Malaysia khususnya kurang bersedia daripada pelbagai aspek iaitu aspek kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap pelaksanaan Pendidikan Seksualiti di sekolah-sekolah. Pengkaji berpendapat, faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru Pendidikan Islam ke atas pelaksanaan Pendidikan Seksualiti perlu dikaji. Menurut Abd Rahim (2010), isu kredibiliti seorang guru juga perlu diambil kira terutama yang berkaitan aspek integrati personal dan profesional guru. Penyampaian maklumat yang betul daripada sumber yang berkepercayaan dan profesional guru. Penyampaian maklumat yang betul daripada sumber yang berkepercayaan dan profesional menjadi salah satu kekangan terhadap keberkesanan pelaksanaan Pendidikan Seksualiti ini terutama kepada murid-murid sekolah (Doyle, 2008).

1.4 Persoalan Kajian

1. Sejauh manakah kesediaan kognitif guru menerapkan elemen Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam?
2. Sejauh manakah kesediaan afektif guru menerapkan elemen Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam?
3. Sejauh manakah kesediaan tingkah laku guru menerapkan elemen Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam?

1.5 Objektif Kajian

1. Meneroka kesediaan kognitif guru terhadap Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.
2. Mengenal pasti kesediaan afektif guru terhadap Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.
3. Menjelaskan kesediaan tingkah laku guru terhadap Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana pelbagai faedah yang diterima oleh pelbagai pihak.

Antaranya ialah pihak masyarakat, guru mahupun murid akan menikmati kemudahan daripada kajian ini. Beberapa kepentingan kajian yang dapat dibincangkan adalah:

Masyarakat

Kajian ini memberi kepentingan dalam masyarakat keseluruhannya di Malaysia. Melalui penerapan elemen Pendidikan Seksualiti, akan melahirkan masyarakat yang lebih mempunyai nilai moraliti dalam diri dan membendung masyarakat daripada melakukan perkara-perkara yang negatif.

Guru

Kajian ini juga memberi kepentingan kepada guru terutamanya guru yang dipertanggungjawabkan menerapkan elemen Pendidikan Seksualiti dalam kurikulum

di sekolah. Kajian ini akan menjadi panduan kesediaan guru dari pelbagai aspek sama ada dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku guru.

Murid

Kajian ini sudah tentu memberi kepentingan kepada murid secara keseluruhannya. Kajian ini akan membantu pelajar dalam memahami Pendidikan Seksualiti lebih mendalam. Ia juga bertujuan untuk menghakis pandangan negatif pelajar yang menganggap seks itu sebagai suatu yang kotor dan memalukan dari segi moral dan agama. Secara tidak langsung, ia dapat membantu murid dalam menambahkan lagi ilmu dan pengetahuan mereka tentang Pendidikan Seksualiti.

Kajian ini akan membantu pengkaji mengetahui tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Seksualiti dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Pengkaji juga ingin mengetahui sejauh mana tahap penguasaan elemen Pendidikan Seksualiti dalam diri guru yang dipeertanggungjawabkan mengajar kurikulum tersebut.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian dilaksanakan agar pengkaji dapat mengurangkan sebarang potensi kelemahan dalam kajian (Christenssen, Burke, & Turner, 2011; Cresswell, 2014). Kajian ini adalah terbatas ke atas aspek-aspek yang dinyatakan iaitu batasan kandungan, batasan subjek atau responden dan batasan lokasi kajian seperti berikut:

1.7.1 Batasan Kandungan

Kajian ini hanya memberi fokus beberapa kategori aspek-aspek yang terkandung dalam kesediaan guru iaitu merangkumi aspek-aspek;

- A) Latar Belakang Responden; Jantina, Status Perkahwinan, Sekolah, Kelulusan Akademik Tertinggi, Pengalaman Mengajar di Sekolah dan Pengalaman Mengajar Elemen Seksualiti di Sekolah.
- B) Aspek Kesediaan Guru; Faktor Kesediaan Kognitif Guru, Faktor Kesediaan Afektif Guru dan Faktor Kesediaan Tingkah Laku Guru.

Kajian ini adalah menguji aspek asas yang membentuk kesediaan guru mengajar Pendidikan Seksualiti dengan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pembangunan kesediaan guru-guru yang mengajar di sekolah. Faktor-faktor kesediaan guru dilihat sebagai satu asas yang penting dalam menjayakan pelaksanaan Pendidikan Seksualiti kepada pelajar-pelajar. (Eva, 2009; Mastura, 2011).

1.7.2 Batasan Subjek/Responden Kajian

Kajian ini memberi fokus terhadap guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Rasional pemilihan guru-guru ini adalah kerana responden atau subjek tersebut dilihat secara langsung terlibat dalam sistem pendidikan murid-murid terutamanya mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Di dalam kurikulum sekolah di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam adalah antara mata pelajaran yang banyak membincangkan tentang elemen Pendidikan Seksualiti

(Suhaila Ihwani et al, 2018). Justeru, pengkaji ingin memfokuskan kajian ini melalui responden yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah.

1.7.3 Batasan Lokasi Kajian

Kajian ini dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Sabah iaitu memfokuskan kepada sekolah yang berada di daerah Tenom, Sabah. Lokasi satu negeri dan daerah di Malaysia dilaksanakan agar tumpuan kajian ini lebih berfokus dan terarah untuk mendapat data yang lebih terperinci dan komprehensif diperolehi.

1.8 Definisi Operasional

Beberapa istilah boleh difahami mengikut takrifan yang berikut:

1.8.1 Pendidikan Seksualiti

Pendidikan Seksualiti didefinisikan sebagai satu proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan keseluruhan aspek pertumbuhan dan perkembangan manusia. Ia juga ditakrifkan sebagai pendidikan berkaitan anatomi seksualiti manusia, reproduktif, hubungan intim dan tingkah laku seksual manusia (Shamsul Baharin et al, 2007). Pendidikan Seksualiti adalah satu proses yang memerlukan informasi dan membentuk tingkah laku dan kepercayaan tentang seks, identiti seksual, perhubungan dan 'intimacy'. Pendidikan Seksualiti mampu membangunkan kemahiran individu supaya mereka boleh membuat pilihan tentang tingkah laku dan berasa yakin terhadap pilihan mereka (Ruayah, 2017). Pendidikan Seksualiti secara ringkasnya ditakrifkan sebagai pengetahuan, kefahaman dan kesedaran tentang satu proses pedagogi pengajaran atau

pembelajaran tentang seksualiti manusia keseluruhannya termasuklah masalah seksual (Centers for Disease Control and Prevention (CDC), 2011: Obe Emmerson, 7 Lees, 2010; Public Health Agency of Canada, 2010).

1.8.2 Pendidikan Seksualiti Menurut Islam

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1989) menyatakan Pendidikan Seksualiti adalah satu kaedah mengajar, menjelaskan dan memberi peringatan kepada remaja tentang isu yang berkaitan dengan seks, naluri, nafsu (syahwat) dan hubungannya dengan perkahwinan sehingga mereka membesar dalam keadaan memahami erti kehidupan. Manakala, Al-Tawil (1992) pula menghuraikan Pendidikan Seksualiti adalah satu proses bertujuan untuk mengajar, memberi peringatan dan berterus-terang kepada anak-anak (remaja) semenjak baligh lagi dengan isu yang berkaitan dengan seksualiti, naluri dan perkahwinan. Muhamad Zahiri dan Rahimi (2005) mentakrifkan Pendidikan Seksualiti sebagai satu proses mendidik yang bersifat maklumat (*cognitive*), pemahaman dalaman (*internal spiritual/morality/consciousness*) dan juga jasmani (*physical*) kepada golongan sasaran tertentu seperti pelajar dan juga orang awam tentang amalan kehidupan yang berkaitan dengan hubungan antara jantina.

1.8.3 Pendidikan Islam

Satu proses yang diusahakan secara sedar oleh pendidik dengan menerapkan ilmu, nilai dan kemahiran tertentu berdasarkan klasifikasi dan hierarki tertentu secara bertahap-tahap untuk mengembangkan seluruh potensi peserta didik secara optimum dengan membimbingnya mengenali Tuhan dalam setiap posisi kehidupannya.

Pendidikan Islam dianggap sebagai satu sistem dan dikenali juga sebagai ta'dib (Hisyam Md Naw, 2011).

1.8.4 Kesediaan Guru

Kesediaan adalah ditakrifkan sebagai sedia, kesanggupan, kerelaan atau kombinasi keupayaan seseorang dan kesanggupan untuk melakukan sesuatu tugas berdasarkan kaedah kepimpinan yang berbeza mengikut keperluan sesuatu situasi (Baker, 2002). Kajian ini memberi fokus kepada tiga aspek kesediaan guru iaitu kesediaan kognitif (pengetahuan), afektif (perasaan) dan tingkah laku guru. Ketiga-tiga aspek tersebut merupakan aspek yang sangat penting dalam menyiapkan diri seorang guru dalam menerapkan elemen Pendidikan Seksualiti ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

1.8.5 Kesediaan Kognitif Guru (Pengetahuan)

Kognitif boleh ditafsirkan sebagai fikiran atau daya fikir yang berkembang dan menghasilkan perubahan melalui proses percambahan pengetahuan dan pengalaman (Thompson, 2004). Kesediaan kognitif boleh diuraikan sebagai satu keadaan yang melibatkan aspek psikologi (mental) dan sosiologi (sosial) pengetahuan, kemahiran dan keupayaan serta tingkah (Schmorrow, Bolstad, May & Cuevas, 2012). Kajian ini memberi fokus terhadap aspek-aspek pemahaman guru, sumber pengetahuan guru, pengetahuan sedia ada guru tentang isi kandungan pelajaran, pengalaman mengajar elemen Pendidikan Seksualiti dan Kaedah penilaian yang digunakan untuk mengukur keberkesanan kepada pelajar.

1.8.6 Kesediaan Afektif Guru (Perasaan)

Afektif adalah satu perkara yang berkaitan dengan perasaan, pelahiran rasa dan emosi bukannya fikiraan atau daya berfikir. Perasaan dan emosi seperti seronok, sedih, yakin, takut, minat dan gembira. Aspek afektif ini adalah aspek yang mempengaruhi sikap atau memberi kesan kepada tingkah laku individu (Thomson, 2004). Aspek afektif dalam kajian ini akan memberi fokus kepada beberapa elemen iaitu keinginan atau minat guru dan keselesaan guru.

1.8.7 Kesediaan Tingkah Laku Guru

Tingkah laku merujuk cara seseorang itu bertindak terhadap amalan biasa yang dilakukan oleh seseorang. Aspek kesediaan tingkah laku dalam kajian ini adalah cara, amalan dan tindakan yang dilakukan oleh guru Pendidikan Islam dalam menerapkan elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam. Dalam kajian ini juga akan lebih memfokuskan kepada aspek kesanggupan dan kesediaan guru sebagai faktor kesediaan tingkah laku guru.

1.9 Kesimpulan

Kesediaan guru merupakan salah satu aspek penting yang sering kali diabaikan dalam konteks pendidikan. Kesediaan guru adalah meliputi aspek kognitif, afektif dan tingkah laku guru. Kesediaan guru ke atas pelaksanaan Pendidikan Seksualiti menjadi faktor yang penting untuk menyumbang kepada keberkesanan sesuatu penyampaian ilmu kepada murid-murid. Dalam konteks Pendidikan Islam, peranan guru amat

penting dalam semua aspek pendidikan merangkumi aspek penyampaian kurikulum, pedagogi dan strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Pemantapan diri juga meliputi keseluruhan aspek kesediaan guru ini amat penting untuk keberkesanan pengajaran elemen Pendidikan Seksualiti dalam Pendidikan Islam.

Ringkasnya, bab ini memberi penjelasan tentang kajian yang ingin dijalankan. Bab ini juga dapat memberi justifikasi tentang metodologi kajian yang dijalankan serta dalam menjelaskan aspek yang berkaitan. Permasalahan kajian yang dibincangkan telah dapat menimbulkan persoalan kajian, justeru objektif kajian dapat dinyatakan agar kajian ini dapat dijalankan dengan baik dan lancar. Walau bagaimanapun, batasan kajian ini dijelaskan dengan terperinci supaya setiap pemilihan sampel, bahan, instrumen, teori difahami dengan jelas. Bab seterusnya membincangkan sorotan kajian yang berkaitan dengan konsep dan kepentingan tiga aspek kesediaan guru.